

## USIM meterai MoU bersama 2 universiti Nigeria

Oleh **NOOR DIANA AZIS**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**SEREMBAN 5 Jan.** -Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) hari ini menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan dua buah universiti dari Nigeria sebagai rakan strategik bagi meningkatkan peluang serta potensi pertukaran pelajar dan kakitangan.

Naib Canselor USIM, Prof. Datuk Dr. Musa Ahmad berkata, perjanjian itu merupakan inisiatif universiti bagi memenuhi kehendak serta keperluan institusi untuk menggalakkan pemindahan kepakaran dan idea.

"Menerusi MoU yang ditandatangani bersama Universiti Al-Qalam dan Universiti Ilorin, pelbagai peluang akan dicapai menerusi sesi bengkel dan latihan yang bakal dijalankan secara bersama serta penerokaan projek-projek penyelidikan dan pembangunan.

"Selain itu, kita juga akan be-



**ASMA ISMAIL (tengah)** menyaksikan pertukaran dokumen MoU antara Musa Ahmad (lima dari kanan) dan Shehu G. Ado (empat dari kiri) di Universiti Sains Islam Malaysia, Seremban, Negeri Sembilan semalam.

kerjasama dalam penerbitan percambahan idea bagi isu-isu kepimpinan dan pengurusan di dalam Islam," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani MoU khas deligasi dari Nigeria di sini hari ini.

Yang turut hadir, Ketua Penga-

rah Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan, Prof. Datuk Dr. Asma Ismail.

Pada majlis tersebut, Universiti Al-Qalam diwakili oleh Naib Canselornya, Prof. Shehu G. Ado dan Universiti Ilorin diwakili Naib Canselor, Prof. Abdulganiyu Ambali.

Menerusi memorendum kali ini, USIM turut mengadakan Bengkel Kepimpinan Kolaboratif bagi Pendidikan Tinggi.

Bertemakan visi dari perspektif Islam, bengkel yang disertai oleh lapan deligasi tersebut berlangsung dari 5 hingga 7 Januari.